

KOTA BAHARU, 4 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN TERPAKSA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN PIHAK LAIN SEPERTI PETANI, NELAYAN DAN PENDUDUK KAMPUNG YANG BEKERJA SENDIRI DALAM MELAYANI TUNTUTAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH KESATUAN-KESATUAN SEKERJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAYANI SEMUA TUNTUTAN YANG DIJUAL KERANA KEUPAYAAN KERAJAAN ADALAH TERHAD.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA YANG DIBACAKAN OLEH SETIAUSAHA POLITIKNYA MEGAT JUNID BIN MEGAT AYUB DI UPACARA PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KE 15, KESATUAN KEBANGSAAN GURU-GURU LEPASAH MAKTAB/PUSAT LATIHAN HARIAN MALAYSIA BARAT DI SINI.

KATANYA KERAJAAN TIDAK MENGHALANG KESATUAN-KESATUAN MEMBUAT TUNTUTAN DEMIKI KEPENTINGAN AHLI-AHLI KERANA PERLEMBAGAAN DAN PERUNDANGAN NEGARA MENJAMIN HAK KAUM PEKERJA.

TAMBAH BELIAU, KESATUAN-KESATUAN GURU MEMAINKAN PERANAN PENTING DI SAMPING MASYARAKAT TERUTAMA IBU PAPA DALAM TUGAS MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN.

SEJARAH TELAH MENUNJUKKAN PERANAN KESATUAN-KESATUAN GURU UNTUK MENDAULATKAN BAHASA MELAYU. KESATUAN GURU JUGA BANYAK MEMBERI PANDANGAN DAN SUMBANGAN TERHADAP PEMBENTUKAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DAN PELAKSANAANYA. -- BERSAMBUNG 152B/YF

32

PS88

MAHATHIR - TUNTUTAN 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA PELAJARAN DI ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOGI INI PANYAK MENGALAMI PERUBAHAN DENGAN PESATNYA MENYERBAPKAN APA YANG DIPELAJARI SEKARANG MUNGKIN TIDAK PERAPA SESUAI LAGI PADA MASA AKAN DATANG.

MEMURUT BELIAU, PELAJARAN BUKAN SEMATA-MATA UNTUK PENYERAPAN DAN PENGHAFALAN ILMU PENGETAHUAN BAKAN JUGA HENDAKLAH BOLEH MELATIH DIRI SESEORANG UNTUK MENDAPATKAN ILMU PENGETAHUAN DENGAN SENDIRI.

"KITA BELAJAR UNTUK MEMPELAJARI SESUATU YANG BARU KERANA JIKA KITA TAHU BERBUAT DEMIKIAN KITA AKAN LEBIH MUDAH MEMBUAT URANSUJI BAGI MENGHADAPI PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN YANG LEBIH PESAT PADA MASA AKAN DATANG."

TEGAS BELIAU, MASA DEPAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA KEMAJUAN DI BIDANG PELAJARAN DAN DALAM KONTEKS INI KESATUAN-KESATUAN GURU BOLEH MEMAINKAN PERANAN PENTINGNYA.

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TERPAKSA MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT SETIAP TAHUN UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN.

BELIAU JUGA MEMPERITAHU RILANGAN GURU-GURU TERLATIH TELAH DITAMBAH DENGAN LEBIH RAMAI MANAKALA KURIKULUM DAN SUKATAN PELAJARAN DITAJI UNTUK DIKEMASKINIKAN DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK MASA DAN NEGARA SUPAYA MURID-MURID YANG KURANG MAMPUN MENDAPAT PELUANG PELAJARAN YANG LEBIH ADIL DAN SAKSAMA. -- TERMAHA 1532/YF